

04 MAY 1998

Mahathir-Tarif

M'SIA TERUS KURANGKAN TARIF, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Malaysia buat masa ini belum memutuskan untuk memperlahankan langkah pengurangan tarif mengikut rangka kerja Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Kami buat masa ini belum memutuskan untuk memperlahankan langkah untuk mengurangkan tarif di negara kami," kata Perdana Menteri pada sesi soal-jawab semasa majlis jamuan tengah hari bagi meraikan beliau oleh Jawatankuasa Perniagaan Amerika Syarikat-Malaysia, Majlis Perniagaan US-Asean di sini.

Pengurangan cukai import kepada purata 5 peratus atau kurang mengikut rangkai kerja Afta yang dikenali sebagai Skim Tarif Keutamaan Sama Rata dijadualkan terlaksana menjelang tahun 2003. Laos dan Myanmar mempunyai masa sehingga Dis 2007 untuk berbuat demikian.

Dr Mahathir juga memberitahu ahli perniagaan Amerika yang hadir bahawa negara-negara di rantau ini sedang mengkaji kemungkinan menjalankan perdagangan dengan menggunakan mata wang serantau untuk mengatasi kesan daripada peningkatan nilai dollar US.

Sebagai contoh, katanya, Malaysia sebelum ini menjalankan 70 peratus daripada perdagangannya dalam dollar US walaupun hanya 18 peratus daripada jumlah perdagangannya dilakukan dengan US.

Ketika berucap sebelum itu, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai banyak idea tentang bagaimana hendak membangunkan semula ekonominya ekoran krisis ekonomi Asia, dan sebahagian daripadanya ialah melalui penyertaan pelabur asing di negara ini.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa penyertaan ahli perniagaan Amerika akan membantu dalam mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

"Kami akan melakukan segala yang terdaya untuk menjadikan pelaburan anda di negara ini sebagai langkah yang menguntungkan," katanya.

Dengan kelebihan seperti kestabilan politik, keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum dan ketiadaan kegelisahan perindustrian, Malaysia merupakan tempat yang sesuai untuk pelaburan, katanya.

"Walaupun kita menghadapi masalah yang lazimnya akan menyebabkan pergolakan (di sesetengah negara lain), kami masih mempunyai kestabilan politik dan rakyat terus menyokong kerajaan," kata beliau.

Sambil memuji Cuepacs kerana pendiriannya untuk menerima keputusan kerajaan bahawa ia mungkin tidak dapat menaikkan gaji kakitangan awam, Dr Mahathir berkata ia mencerminkan betapa kuatnya sokongan kepada kerajaan dalam menghadapi tempoh yang menyukarkan ini.

Perdana Menteri juga berkata masalah ekonomi yang dihadapi telah menjejaskan proses ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia negara perindustrian menjelang tahun itu.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia, yang sebelum ini telah melancarkan Dasar Pandang ke Timur, akan terus memandang ke Barat dalam usahanya mencari ilmu pengetahuan.

"Kita boleh belajar bagaimana orang lain berjaya melakukan sesuatu dan kita juga boleh belajar daripada kesilapan mereka. Kami rasa masih ada banyak perkara untuk dilihat (di Timur)," katanya.

Satu delegasi 16 syarikat Amerika kini dalam lawatan empat hari ke Malaysia hingga Rabu ini. Semasa lawatan itu mereka akan mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan kerajaan dan pemimpin perniagaan.

Menurut majlis itu, perdagangan US-Malaysia tahun lepas berjumlah

hampir US\$29 bilion, dan US merupakan pelabur asing terbesar di Malaysia tahun lepas dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM3.7 bilion daripada jumlah pelaburan asing RM13.6 bilion.

-- BERNAMA

MAM NMO